

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH
[KUANTAN]**

TARIKH : 24 OGOS 2020 (ISNIN)

SOALAN

PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH [KUANTAN] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan adakah industri halal sedia ada di negara ini terjejas ekoran wabak COVID-19 dan apakah rangsangan dan bantuan yang diberi kepada mereka dalam situasi sekarang mengikut negeri dan sektor.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Ekosistem Halal Malaysia merentasi pelbagai bidang industri dan sektor serta merupakan sebahagian daripada rangkaian aktiviti ekonomi yang turut disertai oleh pengusaha perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Oleh itu, penularan pandemik wabak COVID-19 telah memberikan kesan terhadap industri halal.

2. Antara sektor yang terkesan adalah perkhidmatan penyediaan makanan dan minuman yang terpaksa beralih aktiviti perniagaan kepada sistem penghantaran rumah ke rumah menggunakan kaedah sistem atas talian (*online*). Selain itu, ia turut menjejaskan rangkaian bekalan perusahaan pemprosesan barangan halal ekoran pengeluaran bahan mentah yang terhad bagi menampung keperluan pasaran sedia ada.

3. Selaras dengan pengenalan norma baharu dalam menghadapi pandemik ini, para pengusaha industri halal terutamanya syarikat-syarikat PKS digalakkan untuk menggunakan kaedah sistem atas talian dalam melakukan aktiviti perniagaan mereka yang merangkumi transaksi kewangan, khidmat nasihat dan perkongsian maklumat pasaran.

4. Bagi tujuan ini, pihak Kerajaan telah menyediakan bantuan Inisiatif PENJANA untuk memperkasakan platform digital melalui kempen e-dagang kepada perusahaan mikro dan PKS yang antaranya termasuk program 'e-coaching' dan 'online learning' di bawah Halal Development Corporation Berhad (HDC). Berdasarkan rekod terkini, program ini telah berjaya melibatkan seramai 1,100 penyertaan semasa tempoh PKP. Ia juga membantu para perusahaan yang layak dengan menyediakan kemudahan seperti latihan *onboarding*, khidmat sokongan jualan dan subsidi bagi kos yang berkaitan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]

TARIKH : 24 OGOS 2020 (ISNIN)

SOALAN

TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan impak penularan pandemik COVID-19 ke atas ekonomi dan sosial Malaysia keseluruhannya dan bagaimana Kerajaan melaksanakan program pemulihan ekonomi negara yang terjejas supaya keadaan berbalik semula sebagaimana landasan yang asal.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pandemik COVID-19 telah memberi kesan yang amat ketara kepada ekonomi negara. Pertumbuhan keluaran dalam negeri kasar (KDNK) bagi separuh pertama tahun 2020 mencatatkan penguncupan sebanyak 8.3% [S1' 20: 0.7%; S2' 20: -17.1%]. Penguncupan ini adalah disebabkan oleh langkah yang diambil bagi membendung penyebaran pandemik COVID-19, termasuk pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan sejak 18 Mac 2020. Semua sektor utama ekonomi seperti perkhidmatan, pembuatan dan pembinaan telah terjejas akibat penularan wabak ini.
2. Pertumbuhan ekonomi dijangka bertambah baik pada separuh kedua tahun ini ditunjukkan oleh beberapa indikator ekonomi yang semakin pulih seperti perdagangan borong dan runcit, jualan kenderaan

penumpang dan kadar purata penginapan hotel. Pertumbuhan ekonomi bagi tahun ini dianggarkan bertumbuh di antara -5.5% hingga -3.5%. Pemulihan sepenuhnya ekonomi negara dijangka akan dicapai pada tahun 2021 dengan jangkauan pertumbuhan di antara 5.5% hingga 8%. Jangkaan ini adalah seiring dengan Tabung Kewangan Antarabangsa dan Bank Dunia yang mengunjurkan KDNK Malaysia bertumbuh sebanyak 6.3% dan 6.9% pada tahun hadapan.

3. Kesan pandemik COVID-19 yang terpaksa ditanggung oleh rakyat adalah cukup berat. Di samping terdapat pekerja di syarikat swasta yang terpaksa diberhentikan, pekerja di sektor informal seperti peniaga pasar malam dan penjaja juga tidak dapat keluar untuk mencari rezeki semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang lalu. Malahan, ada juga Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) termasuk peniaga kecil-kecilan yang terpaksa menutup terus perniagaan mereka kerana tidak dapat menanggung kerugian yang berterusan. Ini sekaligus menyebabkan pendapatan rakyat berkurangan, terutamanya golongan B40 yang memerlukan bantuan Kerajaan untuk meneruskan kehidupan. Justeru, Kerajaan dengan sedaya upaya akan terus membela nasib rakyat seperti keluarga Makcik Kiah bagi memastikan tiada golongan yang tercicir dalam menikmati manfaat daripada pakej rangsangan ekonomi peduli rakyat ini.

4. Selain daripada itu, pandemik COVID-19 telah mengubah kehidupan dan gaya hidup rakyat Malaysia kepada norma baharu dalam amalan kerja dan interaksi sosial. Amalan bekerja dari rumah kini sudah menjadi kebiasaan dalam memastikan kelangsungan operasi perniagaan dan perkhidmatan Kerajaan. Selain itu, pelaksanaan waktu bekerja anjal, penggiliran kerja di pejabat, pertukaran syif kerja, tugas kerja berasaskan projek dan sebagainya telah mula diperkenalkan. Pandemik ini juga telah mempercepatkan lagi penggunaan platform digital dalam bidang perniagaan dan perdagangan, pendidikan serta komunikasi.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Dalam usaha untuk memulihkan ekonomi negara yang terjejas kesan daripada pandemik COVID-19 ini, Kerajaan telah membuat

perancangan berdasarkan enam pendekatan utama iaitu Ketegasan (*Resolve*), Ketahanan (*Resilience*), Memulakan Semula (*Restart*), Pemulihan (*Recovery*), Memperkasa (*Revitalise*) dan Menyusun Semula (*Reform*). Enam pendekatan utama ini adalah bagi memastikan ekonomi dapat kembali berada pada landasan pertumbuhan yang mampan. Pelaksanaan PKP yang bermula pada 18 Mac 2020 merupakan pendekatan pertama iaitu Ketegasan (*Resolve*), yang telah menyumbang kepada kejayaan Kerajaan membendung penularan pandemik COVID-19 dalam negara.

6. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah pendekatan kedua iaitu Ketahanan (*Resilience*), Kerajaan telah memperkenalkan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) yang berjumlah RM260 bilion pada Mac 2020 bagi menjaga kesejahteraan rakyat, menyokong kelestarian perniagaan, khususnya perusahaan kecil dan sederhana (PKS), dan memastikan kelangsungan kegiatan ekonomi utama. PRIHATIN yang bernilai 19% kepada KDNK adalah antara pakej rangsangan yang terbesar di kalangan negara membangun.

7. Di bawah pendekatan ketiga iaitu Memulakan Semula (*Restart*), Kerajaan telah memulakan semula ekonomi secara meluas dalam keadaan yang terkawal dan teratur. Sebahagian besar sektor ekonomi dibuka semula, namun sektor serta aktiviti yang melibatkan perhimpunan rakyat secara beramai-ramai tidak dibenarkan.

Tuan Yang di-Pertua,

8. Di bawah pendekatan yang seterusnya iaitu Pemulihan (*Recovery*), Kerajaan telah memperkenalkan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) bernilai RM35 bilion pada Jun 2020. PENJANA memberi fokus kepada tiga teras utama, iaitu untuk memperkasakan rakyat, melonjakkan perniagaan dan merangsang ekonomi. Ianya merangkumi langkah-langkah untuk melindungi pekerjaan, mempromosikan pekerjaan serta membolehkan perniagaan mengekalkan operasi dan meningkatkan produktiviti secara beransur-ansur.

9. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, di bawah pendekatan kelima dan keenam, Memperkasa (Revitalize) dan Menyusun Semula (Reform), Kerajaan melalui Majlis Tindakan Ekonomi (EAC) sedang dalam proses penyediaan pelan pemulihan ekonomi jangka sederhana hingga panjang. Pelan ini akan dibentangkan pada bulan Oktober 2020 memberi tumpuan kepada penambahbaikan dalam pasaran buruh, penambahbaikan peraturan dan pengukuhan persaingan dalam pasaran, isu pelaburan berkualiti, reformasi institusi awam dan kerangka urus tadbir serta pelaksanaan pendigitalan dan Revolusi Perindustrian Keempat. Selain daripada itu, peranan sektor awam dan swasta juga akan diteliti semula dalam menyokong pertumbuhan dan kelestarian ekonomi Malaysia dalam jangka masa panjang.

10. Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) yang pada awalnya dijadualkan 6 Ogos 2020 di Dewan Rakyat telah ditangguhkan kepada tahun hadapan bagi membolehkan Kerajaan mengambil kira keadaan ekonomi semasa negara yang terkesan teruk akibat pandemik COVID-19 dalam merangka dasar dan strategi pembangunan jangka sederhana. Bagi tujuan tersebut, Kerajaan juga sedang giat mengadakan semula libat urus bersama semua pihak berkepentingan, termasuk kementerian dan agensi Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, pihak swasta, badan antarabangsa dan akademia.

11. Kerajaan percaya bahawa dengan pendekatan dan langkah yang telah diambil untuk menangani kesan daripada pandemik COVID-19, ekonomi negara akan kembali kukuh bagi memastikan kebajikan dan kesejahteraan rakyat terus terpelihara.

Sekian, terima kasih.